

Penggunaan Frog VLE dalam Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Menengah

Azhar Md Sabil*, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian & Rozita Radhiah Said

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pengajaran penulisan karangan yang menggunakan *Frog Virtual Learning Environment* (Frog VLE) terhadap prestasi penulisan karangan dalam kalangan guru dan murid sekolah menengah. Kajian ini terdiri daripada dua fasa, iaitu fasa pertama yang dilakukan terhadap pelaksanaan Frog VLE di sekolah menengah luar bandar, manakala fasa kedua melibatkan pelaksanaannya di sekolah bandar. Keseluruhan kajian ini nanti adalah untuk melihat keberkesanannya dalam meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran murid serta menjadikan platform pembelajaran bertaraf dunia dengan akses kepada sumber dan teknologi sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025. Dalam fasa pertama ini dua orang guru dan empat orang murid daripada dua buah sekolah yang dipilih sebagai sampel kajian ini, iaitu yang terdiri daripada dua buah sekolah luar bandar dan dua buah sekolah di bandar. Sampel kajian dipilih adalah memenuhi ciri persampelan bertujuan, iaitu guru opsyen bahasa Melayu dan murid Tingkatan Empat yang telah melalui pembelajaran dalam talian di bawah program Frog VLE. Dengan Frog VLE, pendidikan tidak lagi terbatas dalam bilik darjah tradisional, iaitu yang berpusatkan guru (Roselan Baki, 2003). Pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana jua dan pada bila-bila masa. Sistem Frog VLE yang mudah digunakan ini membolehkan pelajar dan guru untuk menemui hampir segala-galanya di Internet (video, gambar, bahan pendidikan) dan membinanya menjadi sebuah laman yang menarik, tanpa memerlukan sebarang kepakaran teknikal. Kajian kualitatif ini dijalankan secara temu bual berstruktur dengan menggunakan protokol temu bual sebagai instrumen kajian. Dapatan awal daripada fasa pertama kajian ini menunjukkan bahawa guru kurang mengaplikasikan Frog VLE, walaupun mereka amat yakin bahawa penggunaan Frog VLE ini dapat membantu pengajaran dan pembelajaran serta memotivasikan murid untuk menjalai pembelajaran dengan lebih baik dan menyeronokkan. Namun, tidak semua guru selesai menjalankannya kerana terdapat masalah dan kekangan yang dihadapi guru semasa mengaplikasikannya. Bagi murid pula, mereka begitu bermotivasi dalam menghasilkan karangan dengan menggunakan Frog VLE ini, walaupun terdapat halangan yang berkaitan dengan capaian Internet.

Kata Kunci: Persekitaran Pengajaran Maya, Frog VLE, Penulisan Karangan, Pengajaran Kemahiran Menulis

ABSTRACT

With Frog VLE, education is no longer limited to traditional, teacher-centered classrooms (Roselan Baki, 2003). Learning can be done anywhere, anytime. This easy-to-use Frog VLE system allows students and teachers to find almost everything on the Internet (videos, photos, educational materials) and build it into an engaging site, without the need for any technical expertise. This study aims to investigate the effectiveness of using Frog Virtual Learning Environment (Frog VLE) system on essay writing performance of high school students in Malaysia. This qualitative study was conducted in a structured interview using the interview protocol as a research instrument. This study consists of two phases, namely the first phase conducted is the implementation of Frog VLE in rural secondary schools, while the second phase involves its implementation in urban schools. The study on the implementation of Frog VLE is to see its effectiveness in improving the level of writing performance and skills of students as well as making a world-class learning platform with access to resources and technology in line with the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013 to 2025. In the first phase, two teachers and four students from two rural schools and two urban schools were selected as samples of this study. The sample selected were Malay language option teachers and Form Four students who have gone through online learning for the Frog VLE program. Findings show that teachers do not apply Frog VLE system in their teaching, although they are very confident that the use of Frog VLE can help teaching and learning and motivate students to learn better and more fun. The teachers admitted that they are comfortable in using the Frog VLE system because there are problems and constraints that

*Corresponding author: azhar.sabil@upm.edu.my
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

the teacher encountered while applying it. As for the students, they are very motivated in producing essays using this Frog VLE, although there are barriers associated with Internet access.

Keywords: Virtual Teaching Environment, Frog VLE, Essay Writing, Teaching Writing Skills

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan satu daripada kemahiran berbahasa yang utama selepas kemahiran lisan dan kemahiran membaca. Pada peringkat sekolah menengah, keupayaan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan menjadi matlamat akhir kemahiran ini diajarkan. Murid didedahkan dengan penekanan terhadap aspek morfologi, sintaksis dan wacana, selain daripada aspek yang berkaitan dengan teknikal seperti tanda baca, ejaan dan kekemasan tulisan yang dihasilkan. Melalui pengajaran kemahiran ini, keupayaan murid untuk menghasilkan pelbagai bentuk penulisan yang kreatif dan bukan kreatif menjadikan cabaran kepada para guru. Guru terpaksa meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta bahan pengajaran dalam pelbagai bentuk dan teknik agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah mahu pun persekitaran pembelajaran murid menjadi lebih menarik, berkesan dan bermakna.

Pada peringkat sekolah menengah atas, khususnya dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM), penulisan karangan dalam Kertas 1 Bahasa Melayu memperuntukan markah sebanyak 100% bagi Bahagian B, manakala 30% markah bagi Bahagian A yang berkaitan dengan penulisan yang berpandukan bahan rangsangan. Bagi Kertas 2 Bahasa Melayu pula memperuntukan markah sebanyak 60% yang berkaitan dengan kemahiran menulis, iaitu masing-masing 30% bagi Soalan 1 (Rumusan) dan 30% Soalan 3 (Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa). Oleh yang demikian, kelemahan murid dalam kemahiran menulis akan memberi kesan langsung terhadap pencapaian keputusan peperiksaan Bahasa Melayu pada keseluruhannya. Awang Sariyan (2004) dan Mahzan Arshad (2008) menegaskan bahawa penulisan karangan merupakan kemahiran yang agak kompleks, sukar serta mencabar keupayaan murid.

Penggunaan pelbagai media pengajaran dalam pendidikan abad ke-21 ini memerlukan sokongan daripada semua pihak agar matlamat pendidikan kebangsaan untuk melahirkan warganegara yang berketrampilan dan seimbang dapat direalisasikan. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah melepasi pusingan pertama sejak digunakan pada tahun 2011. Mulai tahun 2017, semakan telah dilakukan terhadap Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu bermula daripada Tingkatan Satu. Beberapa penambahbaikan terhadap kandungan kemahiran telah dilakukan, termasuklah kemahiran menulis.

Antara langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran abad ke-21 (PAK21) adalah dengan memperkenalkan persekitaran pembelajaran maya atau dikenali sebagai *Virtual Learning Environment* (Frog VLE). Kaedah pembelajaran maya ini merupakan suatu sistem pembelajaran berasaskan laman sesawang yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2013. Melalui kaedah ini, pengajaran dan pembelajaran lebih bercorak terarah sendiri dan mula berubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Dengan ini, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dapat dipupuk dan disemai dalam kalangan murid melalui sokongan teknologi pelbagai media dan jaringan Internet.

Hal ini bertepatan dengan matlamat pembelajaran kemahiran menulis sekolah menengah yang menggalakkan murid untuk menghasilkan penulisan dengan berdasarkan kreativiti bagi melahirkan pengetahuan dan imiginasi. Mereka dapat menggunakan kreativiti dalam pelbagai bahan, sama ada penulisan berbentuk prosa ataupun puisi dalam pelbagai konteks dan situasi. Secara tidak langsung, perkara ini menjadi satu cabaran yang besar dan perlu dihadapi oleh guru dan murid, khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis menerusi kaedah ini. Menurut Kozlow & Bellamy (2004), kemahiran menulis merupakan kemahiran utama dalam dan menyokong perkembangan kemahiran membaca dan berfikir. Sebagai satu aktiviti berfikir aras tinggi yang kompleks, murid berupaya untuk melahirkan dan memperkembang idea, memaparkan imiginasi dan perasaan melalui kemahiran menulis.

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan *Frog Virtual Learning Environment* (Frog VLE) dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang dalam kalangan guru dan murid sekolah menengah. Dengan Frog VLE, gaya pengajaran dan pembelajaran sudah berubah ke arah pendigitalan, yang tidak terhad lagi dalam ruang bilik darjah secara fizikal. Kajian tinjauan ini digunakan untuk mendapatkan maklumat terhadap pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan yang menggunakan *Frog Virtual Learning Environment* (Frog VLE) sebagai platform pendidikan.

PERNYATAAN MASALAH

Persekitaran pembelajaran maya telah memberi ruang yang luas dan terbuka untuk murid berkarya dan melakukan aktiviti penulisan tanpa sempadan dan ruang bilik darjah. Namun begitu, sejauh manakah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis yang berorientasikan Frog VLE ini, khususnya dalam pengajaran menulis karangan Bahasa Melayu menjadi persoalan kepada pelbagai pihak. Apatah lagi dalam peningkatan penulisan karangan yang mempunyai pelbagai bentuk dan jenisnya, sudah tentu menjadi cabaran besar terhadap teknik pengajaran guru. Menurut Norul Haida (2014), murid gagal untuk mengolah atau mengupas tajuk karangan dengan baik kerana penghuraian idea dalam penulisan mereka tidak jelas dan kabur, selain perkembangan isi yang tidak lancar serta persembahan dan gaya bahasa yang kurang menarik.

Kajian Mahizer dan Mohd Azli dalam T.Rahayu et al. (2018) mendapati bahawa kelebihan pendekatan pembelajaran maya yang menggunakan platform Frog VLE masih gagal menarik perhatian guru proses pembelajaran di sekolah. Kekangan dalam penggunaan aplikasi berkenaan menyebabkan tahap penggunaan masih rendah. T.Rahayu dan rakan-rakan turut menyorot dapatan kajian Kasim dan Tahir (2014), Mohiddin dan Khalid (2014) serta Shahaimi dan Khilaid (2015) yang mendapati bahawa masalah kemudahan capaian jaringan Internet menyebabkan penggunaan aplikasi Frog VLE masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan lantaran pengetahuan yang rendah dan masa yang tidak mencukupi untuk membuat persediaan turut menjadi faktor kelemahan persekitaran pembelajaran maya ini. Oleh hal yang demikian, isu dan permasalahan dalam penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan, terutamanya terhadap aplikasi Frog VLE. Fenomena ini digambarkan oleh kajian Boon dan Ngatimin (2011) yang mendapati bahawa faktor kemudahan perkakasan pembelajaran di sekolah menyebabkan guru kurang menggunakan teknologi untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Apatah lagi kebanyakan sekolah di luar bandar berhadapan dengan masalah capaian Internet, jaringan dan sokongan teknikal menyebabkan penggunaan Frog VLE belum mencapai tahap yang memuaskan (Ghavifekr et al., 2016).

Kelemahan murid dalam kemahiran mengarang masih berlanjutan kerana keupayaan mereka dalam menyusun dan mengolah idea masih terbatas. Yunianto dan Dwi Hertanto (2011) berpendapat bahawa guru perlu bijak dan kreatif dalam penyampaian ilmu dan bimbingan kemahiran menulis kepada murid. Kajian Mohd Khir dan Marzuki (2009) turut mendapati bahawa murid lemah dalam penulisan karangan berdasarkan kegagalan mereka menulis dengan baik dan menepati kehendak soalan serta gagal memaparkan isi-isi yang bernas dan hujah yang tepat. Aspek pemerenggan dalam penulisan karangan mereka juga longgar dan tiada perkaitan yang utuh dari segi wacananya. Hal ini berbetulan dengan kajian Abdul Rasid Jamian (2016) yang mendapati bahawa wujudnya permasalahan dalam kalangan murid di sekolah luar bandar yang berkaitan dengan kemahiran menulis. Penguasaan aspek mekanikal dalam penulisan karangan mereka yang lemah menyebabkan penghasilan penulisan karangan mereka turut terjejas.

Objektif

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya (Frog VLE) terhadap penulisan karangan dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk;

- i. mengenal pasti kefahaman penggunaan program Frog VLE dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu, dan
- ii. menjelaskan cabaran penggunaan program Frog VLE dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes instrumental. Jenis kajian ini dipilih adalah untuk menyiasat dan menentukan fenomena sebenar yang berlaku di dua lokasi yang berbeza, iaitu sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Menurut Yin (2003), suatu kajian kes berkait rapat dengan persoalan tentang sebab dan cara suatu kes itu berlaku dengan fokus kajian tersebut adalah terhadap fenomena semasa dalam konteks kajian sebenar. Berg (2007) juga menjelaskan bahawa kajian kes merupakan satu pendekatan yang berupaya untuk meneliti sesuatu fenomena, sama ada yang mudah ataupun yang kompleks. Dengan bersandarkan dua pendapat ini, maka kajian ini cuba melihat penggunaan Frog VLE terhadap pengajaran kemahiran menulis karangan sebagai suatu fenomena yang berlaku di dua lokasi yang berbeza, iaitu sekolah menengah bandar dan sekolah menengah luar bandar yang terpilih.

Sebanyak empat orang guru bahasa Melayu dan lapan orang murid dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan. Daripada jumlah peserta kajian tersebut, dua orang guru masing-masing mewakili sekolah menengah

luar bandar dan sekolah menengah bandar. Bagi peserta kajian dalam kalangan murid pula, mereka terdiri daripada lapan orang murid tersebut, empat daripadanya merupakan murid sekolah menengah luar bandar dan empat orang murid dari sekolah menengah bandar.

Instrumen utama kajian ini berupa instrumen temu bual yang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A yang menjurus kepada pengenalan dan latar belakang peserta kajian. Maklumat ini penting bagi melihat gambaran awal berkaitan pengetahuan dan kefahaman serta pengalaman mereka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan berasaskan Internet. Bahagian B ialah berkaitan dengan penerokaan maklumat dan penjelasan tentang penggunaan Frog VLE secara khusus dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan, manakala Bahagian C pula ialah berkaitan dengan cabaran dan kekangan yang dihadapi semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang berasaskan aplikasi Frog VLE.

Kajian ini disandarkan dengan teori Pembelajaran Konstruktivisme. Menurut Briner, M. (1999), pengetahuan murid dibina berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, sebelum mengaplikasikannya dalam situasi baharu. Melalui binaan intelektual yang sedia wujud, murid berupaya membina pengetahuan baharu. Dalam pendekatan konstruktivisme, guru berperanan sebagai pencetus idea dan pengetahuan bagi mencabar dan memotivasikan pemikiran murid (Schunk, 2008). Pembelajaran konstruktivisme memberi ruang kepada murid untuk memperoleh pengetahuan secara sendiri. Peranan guru hanya memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan panduan dengan pelbagai teknik pengajaran dan sumber pembelajaran (Zurauni dan Abdull Sukor, 2012).

Analisis kajian ini menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham, 1987) yang merangkumi lima fasa; iaitu fasa orientasi, fasa cetusan idea, fasa penstrukturan idea semula, fasa aplikasi idea, dan fasa refleksi. Guru memainkan peranan yang penting pada tiga fasa terawal bagi membina pengetahuan baharu dalam kalangan murid. Pada fasa keempat dan kelima pula, murid meneruskan pembelajaran sendiri dan membuat refleksi pada akhir pembelajaran untuk membandingkan pengetahuan baharu yang diperolehi dengan pengetahuan asal atau sebelumnya. Dalam kajian ini, murid dan guru boleh berbincang dan murid juga dapat membuat penilaian sendiri berdasarkan penulisan karangan yang telah dihasilkan.

Kajian ini dijalankan sebanyak dua fasa. Fasa 1, kajian dijalankan di dua buah sekolah menengah luar bandar. Fasa 2, kajian ini dilakukan di sekolah menengah di kawasan bandar. Pemilihan lokasi kajian tersebut adalah disebabkan terdapatnya jurang penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) antara sekolah menengah bandar dan luar bandar. Menurut Kumar Raman, Norasmah Othman & Haryanti Mohd Affandi (2019), terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pengetahuan dan kemahiran guru dalam menggunakan TMK berdasarkan lokasi sekolah. Fenomena ini menyebabkan pengintegrasian teknologi dengan pengetahuan dan kandungan pelajar sukar dilaksanakan apabila tahap pengetahuan dan kemahiran TMK guru adalah rendah. Oleh hal yang demikian, maka perlunya kajian ini dijalankan di bandar dan luar bandar untuk melihat keberkesanan penggunaan Frog VLE dalam penulisan karangan bahasa Melayu secara holistik.

Peserta kajian yang dipilih adalah terdiri daripada guru dan murid dari empat buah sekolah menengah, iaitu dua buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai mewakili kategori sekolah bandar, manakala dua buah sekolah di Selangor dipilih bagi mewakili kategori sekolah luar bandar. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah sekolah menengah kebangsaan harian biasa dan berasaskan aliran akademik sahaja. Guru yang menjadi peserta kajian ini merupakan guru opsyen bahasa Melayu dan memiliki pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun. Pemilihan ciri guru yang hampir sama di keempat-empat buah sekolah ini akan meningkatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian kualitatif (Meriam, 1998).

Kajian ini menggunakan instrumen temu bual berstruktur. Menurut Sekaran (2000), Ibrahim dan Abdul Hadi (1992), dan Ryan (1982), kaedah ini berupaya untuk membantu untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu proses fenomena yang dikaji. Selain itu, Meriam (1998) mencadangkan agar data temu bual turut disemak dan disahkan oleh peserta kajian agar ketepatan, kebolehpercayaan dan kesahan data yang tinggi diperolehi.

Protokol temu bual dijalankan merangkumi item demografi, soalan pembuka yang berkaitan dengan keizinan peserta kajian, soalan pengenalan yang melibatkan kefahaman guru dan tempoh pengajaran berasaskan Frog VLE. Bagi soalan transisi, item temu bual difokuskan terhadap penggunaan bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran, elemen pentaksiran, manakala soalan penutupan atau refleksi, peserta kajian diinta untuk mengemukakan permasalahan yang dihadapi dan kesimpulan tentang keberkesanan penggunaan Frog VLE. Seterusnya, data kajian dianalisis dengan kaedah analisis kandungan, iaitu transkripsi temu bual yang disediakan melalui rakaman audio. Analisis dokumen ini membolehkan pengkaji meninjau tujuan penentuan bidang kajian, seperti topik, tema, atau isu kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Artikel ini hanya mengemukakan dapatan kajian daripada fasa pertama sahaja. Hasil daripada temu bual dengan peserta kajian di dua buah sekolah kategori luar bandar mendapati bahawa kefahaman guru dan murid terhadap ciri-ciri Frog VLE masih berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa sistem pembelajaran maya ini masih belum dapat diterima sepenuhnya lagi berdasarkan beberapa kekangan yang membatasi pelaksanaannya. Dalam kalangan murid pula, mereka begitu amat bergantung sepenuhnya kepada penerangan dan bimbingan guru berkaitan kaedah dan penggunaan aplikasi Frog VLE. Yang berikut merupakan dapatan berdasarkan item temu bual berstruktur;

i) Kefahaman Guru dan Murid terhadap Aplikasi Frog VLE dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu

Kefahaman guru dan murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan yang menggunakan Frog VLE ini agak longgar. Secara umumnya, guru dan murid menyedari tentang kewujudan aplikasi Frog VLE ini, namun masih kurang arif berkaitan dengan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Kesemua peserta kajian yang ditemu bual tahu bahawa adanya sistem fail dan data yang boleh disimpan dalam komputer. Mereka sedar bahawa pengajaran dan pembelajaran boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa melalui capaian Internet. Malah, setiap murid dan guru menyatakan bahawa mereka memiliki akaun dan kata laluan tersendiri untuk membolehkan mereka mengakses pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi Frog VLE.

Walau bagaimanapun, pendedahan terhadap penggunaannya masih kurang berkesan dari segi teknikal dan kefahaman guru itu sendiri untuk mengaplikasikannya dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Yang berikut merupakan contoh dapatan temu bual terhadap guru yang diperolehi semasa aktiviti temu bual dijalankan;

"...Hanya faham secara umum macam mana nak guna 'front page' dan sebagainya dan kami tidak diberitahu secara terperinci dan atas kepandaian masing-masing. Walaupun saya 'otai' tapi saya agak obvious dengan benda tu, hari ini dapat akses esok tak dapat dan hari berikutnya dah mula pening...Ada juga beberapa karangan yang saya 'upload' kat beta tadi tapi dari segi teknik saya membuat tu seperti orang lama. Maksudnya kalau generasi Y buat VLE karangan saya, mungkin lebih cantik agaknya. Berdasarkan pengalaman saya tadi, rasanya saya hanya tahu setakat widget dan penggunaan asas sahaja..."

(PKG1)

"...Secara rasmi melalui LADAP, setiap tahun memang ada pendedahan tetapi selebihnya adalah inisiatif cikgu dan guru yang terlibat dengan...arr..Maksudnya cikgu ICT bergantung kepada kelapangan masa... baru boleh dilaksanakan...Mudah dapat faham tetapi kena ingat juga kekangan masa penggunaannya...Pembekal YES sepatutnya datang, tunjuk dan bagaimana nak menggunakannya...Kita sendiri disuruh buat dan buat, tapi dalam keadaan kita sendiri apa yang kita nak buat..."

(PKG2)

Dapatan ini hampir menemukan persamaan dengan kajian yang dijalankan Shahfiezul Shahaimi dan Fariza Khalid (2017). Mereka mendapati bahawa penggunaan Frog VLE ini memberikan tekanan dan paksaan. Walaupun terdapat pendedahan awal berkaitan penggunaan Frog VLE ini, namun tidak memadai kerana penerangan hanya secara umum sahaja dan tidak memfokuskan kepada satu-satu kemahiran bahasa, seperti kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Peserta kajian sedar bahawa terdapat pelbagai bahan dan sumber carian maklumat boleh diperolehi daripada Internet.

Peserta kajian juga sedar dan tahu berkaitan beberapa ciri Frog VLE ini seperti keupayaan berkomunikasi secara berkumpulan berdasarkan komuniti yang dibentuk. Namun, mereka agak kekok untuk mengaplikasikannya secara maksimum memandangkan sistem ini sering berhadapan dengan masalah capaian Internet. Mereka juga tahu dan faham bahawa ahli komuniti yang diwujudkan dalam aplikasi Frog VLE boleh berhubung dan bertukar-tukar informasi. Mereka memerlukan masa untuk memahami cara membina komuniti pembelajaran dan berkongsi maklumat dalam talian.

"Agak sukar pada mulanya untuk membina kumpulan. Saya perlu ambil masa untuk menghubungi dan membina ahli kumpulan....komuniti. Mula-mula memanglah kekok macam mana nak berhubung dan berkongsi bahan pengajaran"

(PKG1)

"seronok memang seronok tapi susah juga nak gunakan. Banyak yang perlu saya belajar lagi macam mana nak guna...apa ni...butang...kena klik itu, klik ini...memang mencabar. Tapi saya seronok."

(PKM1)

Dari sudut konsep dan ciri-ciri Frog VLE, komuniti pembelajaran dapat dibentuk dan ibu bapa turut berpeluang untuk mengikuti perkembangan pembelajaran anak-anak mereka melalui aplikasi yang disediakan. Ibu bapa turut diberikan ruang dan peluang untuk mendekati perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Namun begitu, pelibatan ibu bapa juga agak terhad dan terbatas dalam menjayakan persekitaran pembelajaran maya ini. Hal ini turut dikongsikan oleh salah seorang peserta kajian dalam kalangan murid.

“Cikgu cakap, mak ayah saya juga boleh dapatkan apa-apa maklumat berkaitan pembelajaran saya menerusi Frog VLE. Saya belum tahu macam mana lagi nak masukkan mak atau ayah saya dalam ni...”

(PKM3)

ii) Penggunaan Frog VLE dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Karangan

Hasil temu bual dengan guru dan murid tentang penggunaan Frog VLE dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan, didapati bahawa kebanyakan guru dan murid kurang berpuas hati tentang pelaksanaannya. Antara faktor utama kelemahan yang dibangkitkan ialah capaian Internet dan keupayaan pelayan (server) yang lemah. Kesemua peserta kajian mengeluh tentang keberkesanan capaian Internet dan pelayan ketika proses pengajaran dan pembelajaran maya berlangsung. Sering kali, masalah yang berkaitan dengan masa yang terlalu lama terpaksa dikorbankan semata-mata untuk memuat turun ataupun memuat naik sesuatu bahan. Kadang-kadang, proses tersebut terputus dan terpaksa diulang semula.

“Kelemahan ‘line’ Internet di kawasan tempat tinggal murid menyebabkan mereka kurang berinteraksi dengan menggunakan Frog VLE ini. Masa yang lama juga untuk upload atau download bahan pengajaran. Lagi parah, bila tiba-tiba hilang terus...”

(PKG2)

“Kadang-kadang nak tunggu cikgu balas pun lambat. Selalu juga saya terpaksa mesej cikgu untuk semak karangan saya. Itu kalau saya nak cepatlah.”

(PKM4)

Berkaitan dengan sumber pencarian idea untuk menulis karangan, kebanyakan murid bersetuju dan mengakui banyak bahan yang boleh dipilih dan digunakan dalam penulisan karangan. Bagi guru pula, mereka cukup gembira dengan bahan yang diperoleh dalam Internet. Kepelbagai bahan seperti petikan rencana, video klip daripada Youtube, laporan berita dalam talian, bahan-bahan grafik dan sebagainya amat banyak. Guru dan murid hanya perlu bijak memilih bahan yang sesuai sahaja bagi sesuatu karangan yang hendak diajar dan ditulis oleh murid.

“Pasal bahan, saya tak ada masalah. Banyak. Cuma perlu pilih yang sesuai. Bila saya mengajar, saya akan memetik petikan atau isi-isi penting yang sesuai terlebih dahulu. Kemudian, saya meminta murid menentukan idea utama, menyusun huraian dan mencari idea untuk membuat kesimpulan.”

(PKG1)

“Banyak contoh karangan yang bagus-bagus boleh saya tengok. Kadang-kadang saya tiru cara dia orang tulis. Cikgu cakap, ini pun satu proses belajar pada peringkat mula-mula. Tapi kalau tak dapat Internet, kita orang terpaksa guna buku rujukan juga, hmm...”

(PKM3)

Rumusannya, murid akan lebih suka untuk mencari idea penulisan karangan dengan menggunakan Frog VLE. Namun demikian, akibat capaian Internet yang terlalu lemah, mereka terpaksa mencari alternatif lain secara konvensional untuk mencari idea dan menulis karangan. Murid juga bersetuju dan mengakui bahawa penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan mereka juga semakin bertambah. Banyak kosa kata baharu yang mereka peroleh daripada sumber Internet. Penggunaan kamus dalam talian seperti yang disediakan di laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka turut membantu murid memperoleh maklumat dengan pantas dan tepat. Kebergantungan kepada guru juga kurang. Antara dapatan temu bual tentang perkara ini adalah seperti di bawah;

“...berpuas hati dengan penggunaan Frog VLE kerana sedikit sebanyak dapat meningkatkan perbendaharaan kata saya walaupun ada masanya saya tidak faham sesetengah perkara yang terdapat dalam Frog VLE. Selain itu saya dapat menambah kenalan, dapat berinteraksi dan bertukar maklumat antara satu sama lain...”

(PKM1)

“...Laman Frog VLE memberikan saya isi-isi karangan yang memang membantu saya dalam penulisan karangan. Saya selalu guna kamus ‘online’ DBP...”

(PKM2)

“...Saya suka guna Frog VLE kalau ‘line cantik.’ Cikgu BM saya banyak beri maklumat dan tunjukkan contoh-contoh karangan yang baik. Saya dapat idea dari situlah. Idea yang saya dapat dari Internet tu saya ubah suai untuk karangan saya. Tu yang cikgu ajar...”

(PKM4)

iii) Cabaran terhadap Penggunaan Persekitaran Pengajaran Maya Frog VLE dalam Pengajaran dan Penulisan Karangan Bahasa Melayu

Isu cabaran pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan turut mendapat pelbagai reaksi antara peserta kajian. Ada peserta kajian gembira dan seronok kerana pengajaran dan pembelajaran maya ini merupakan sesuatu yang baharu. Guru dapat mempelbagaikan teknik pengajaran mengikut perubahan dalam dunia pendidikan masa kini. Lebih-lebih lagi keperluan melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) semakin mendesak. Namun begitu, akibat prasarana yang terhad dan terbatas serta kemudahan pelayan yang rendah dan lemah menyebabkan keberkesanan pelaksanaan Frog VLE ini terbantut. Hal ini dapat dikesan daripada maklum balas guru dalam temu bual seperti di atas.

Guru dan murid perlu lebih bersedia dan sanggup mendalami kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta pendidikan berteraskan digital.

“...Saya kurang berpuas hati kerana berasa sukar dan agak terbeban semasa mengendalikan laman Frog VLE. Kalau hendak diikuti, saya lebih suka cara lama. Maklumlah...orang lama..”

(PKG2)

“Setuju. Kerana pelbagai maklumat dan contoh karangan cemerlang boleh didapati dengan mudah. laman ini juga meningkatkan kualiti penulisan karangan saya...”

(PKM2)

Dapatan mendapati bahawa gambaran yang diberi dalam temu bual di atas menunjukkan guru-guru yang telah lama berkhidmat memerlukan masa untuk menguasai kemahiran yang berkaitan dengan teknologi. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan guru bahasa Melayu masih selesa dengan cara pengajaran konvensional, khususnya apabila berhadapan dengan teknologi dan capaian Internet. Selain itu, kekangan masa yang mencukupi untuk mencari sumber dan membina bahan pengajaran turut menjadi cabaran kepada guru.

KESIMPULAN

Perubahan pendidikan dalam abad ke-21 ini memerlukan komitmen dan pengorbanan yang tinggi daripada seluruh warga pendidik demi kelangsungan pendidikan anak bangsa. Guru terpaksa berkorban masa untuk lebih mendalami dan memahami gaya pengajaran maya manakala murid perlu menggunakan kebijaksanaan dalam pembelajaran yang menggunakan platform Frog VLE ini. Pendidikan dalam dunia terbuka ini mewajarkan pendidikan dapat dilaksanakan di mana-mana dan pada bila-bila masa. Namun begitu, capaian Internet dan kemudahan serta kemampuan pelayan yang berkelajuan tinggi amat diperlukan demi kelancaran pendidikan

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian (2016). “Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar” dlm. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 1, Bil. 1 (Mei 2011): 1-12.
- Boon, Y., & Ngatimin, S. (2011). “Penggunaan Makmal Komputer Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Zon Jementah, Daerah Segamat dalam Pengajaran dan Pembelajaran : Satu Tinjauan”. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Educational*, 3, 132-147
- Briner, M. (1999). What is constructivism? University of Colorado at Denver School of Education. Diakses daripada <https://curriculum.calstatela.edu/faculty/psparks/theorists/501const.htm>
- Cohen, L. Manion, L & Morrison, K. (2000). *Research methods in education*. Ed. Ke-5. London: Routledge Falmer.
- Gay, L. R & Airasian, P. (2000). *Educational research: Competencies for analysis and application*. Ed ke-6. hlm. 135. New Jersey: Merrill.
- Ghavifekr, S., Kunjappan, T., Ramasamy, L., & Anthony, A. (2016). “Teaching and Learning with ICT Tools: Issues and Challenges from Teachers’ Perceptions” *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 4(2), 38 – 57.
- Howard Rheingold (2004). Mobile Social Presence: Who Knows Who’s Where Now? Diakses daripada <http://www.thefeaturearchives.com/>.
- Ibrahim Wahab & Abdul Hadi Harman Shah (1992). *Kaedah Analisis Perancangan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Pustaka.

- Jacobs, C.L & Ary, D., (1990). *Introduction to research in Education*. Orlando, Harcourt College Publisher.
- Locke 1976. *The Body at Work: Biological ergonomics*. Cambridge, England. Cambridge. University Press.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publication.
- Mohammad Azmi bin Muda.(2013). *Pelaksanaan VLE SK. Selayang*. Diakses daripada <http://www.iab.edu.my/kict2013/>.
- Mohd Aizuddin (2013). Peningkatan profesionalisma dalam penggunaan frog vle. Diakses daripada <http://www.slideshare.net/aizuddinbakar/>.
- Noraini Mohd Noh, Mohd Arif Hj Ismail & Jamil Ahmad (2010b). Tahap penerimaan inovasi EduwebTV dalam kalangan Guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 3(5):118-128/.
- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohd Noh, Nik Azmah Nik Yusuf (2013). Aplikasi Persekitaran Pengajaran Maya (Frog VLE) Dalam Kalangan Guru Sains. Prosiding 7th International Malaysian Education Technology Convention (IMETC). Hotel Golden Flower Bandung. 16-18 September.
- Norul Haida (2014). Modul ‘Bijak Mengarang’ Mempertingkatkan Kemahiran Menulis Karangan. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 9*: 54-63.
- Patton, M. Q. (1980). Qualitative research methods. Dlm. Creswell, J. W. *Research Design: qualitative and quantitative approaches*, hlm. 173-191. London:Sage Publication. 33(4):393-406.
- Rahayu, T., Syafril, S., bin Mohd Nor, M. Y., Pahrudin, A., Aini, N. R., & Puspasari, V. (2018). Penggunaan Frog VLE dalam Pembelajaran Sains. Diakses daripada <https://doi.org/10.31219/osf.io/4wmya>
- Ryan, R.M.(1998). Control and Information in the Intrapersonal Sphere:An Extension of Cognitive Evaluation Theory. *Journal of Personality and Social Psychology*, 43,450-461.
- Sekaran, U. (2000). *Research Method for Business: A skill building Approach*. New York. John Wiley & Son Inc.
- Shahfiezul Shahaimi dan Fariza Khalid (2017). “Persepsi Guru Terhadap Ciri-Ciri Inovasi Vle frog di Sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya Dan Negeri Selangor” . dlm. Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur. Hlm. 226 – 236.
- Schunk, D. H. (2008). *Learning Theories: An Educational in Your Classroom*. Capaian pada April 8, 2015. Diakses daripada <http://www.teachersnetwork.org>.
- Siti Aminah Khasiman (2013). Tinjauan awal penggunaan frog vle di sekolah. Diakses daripada <http://sekolahpenandaaras.wordpress.com>.
- Yin, Robert,K. (2003). *Case study research: design and metode*. 3rd Edition. California: Sage Publication Inc.
- Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari. (2012). Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam Pengajaran Komsas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 79-92.